

Isnin

16 Mei 2016



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 16 Mei 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.40 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan
2. Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan

[Upacara Angkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Salam Sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia.

Janganlah sekali-kali melanggar dan memungkir sumpah dan ikrar setia yang telah kita lafazkan. Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Ahli yang dilantik membaca,

memahami dan mempraktikkan dua buah dokumen yang penting iaitu Perlembagaan Negara diikuti dengan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Setelah memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, sudah tentu penghayatan tersebut akan membantu memberi keyakinan, seterusnya melambangkan sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara sebagai satu Dewan yang mulia, berprestasi tinggi, berkredibiliti, berintegriti dan komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.45 pagi]